

BANJIR kilat berserta lumpur selepas hujan lebat sejak awal pagi di Bayan Baru, Pulau Pinang.

RANDUK AIR LAGI

■ Penduduk Kampung Suluk sedih persiapan Aidiladha musnah kali kedua

Oleh Mohd Hilmi Mahmud
am@hmetro.com.my
Balik Pulau

“Sudah dua kali penduduk di Kampung Suluk, Teluk Kumbar, di sini, meranduk air banjir ketika berhari raya,” kata Rashinah Saad, 55, selepas rumahnya sering dimasuki air setiap kali hujan lebat.

Katanya, setiap kali hujan lebih satu jam, air dari atas bukit berhampiran mengalir turun dan memasuki kawasan rumahnya.

Rashinah yang tinggal di situ sejak 50 tahun lalu berkata, dia tidak gembira me-

nyambut hari raya hari ini kerana segala persiapan musnah malah tahun lalu, kejadian sama juga berlaku ketika menyambut Aidiladha.

“Daun palas, beras pulut dan semua bahan yang saya beli untuk membuat ketupat dan rendang ditenggelami air, saya tidak sempat memindahkannya ke tempat lebih tinggi.

“Bukan itu saja, baju, tikar, almari dan mesin basuh juga turut ditenggelami air, saya hanya sempat menyelamatkan diri sehelai sepinggang saja,” kata ketika ditemui di Kampung Suluk, di sini, semalam.



RASHINAH

Menurutnya, kejadian banjir hanya berlaku sejak tiga tahun lalu selepas projek perumahan di atas bukit berdekatan bermula.

“Sebelum ini, walaupun hujan lebat, air naik di paras buku lali, namun sejak bermulanya projek perumahan itu, hujan sekejap saja, air naik tinggi,” katanya.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bayan Lepas Nordin Ahmad berkata, banjir yang melanda kawasan DUN Bayan Lepas semakin teruk berbanding sebelum ini.

“Ada 10 kampung di DUN Bayan Lepas iaitu Kampung Suluk, Kampung Nelayan, Kampung Perlis, Kampung Binjai, Kampung Seronok, Kampung Bukit, Kampung Baru, Kampung Paya, Kampung Masjid dan Kampung

Teluk Kumbar.

“Sehingga hari ini (semalam), lebih 10 kali banjir melanda kawasan kampung berkenaan,” katanya.

Menurutnya, beliau memanggil semua agensi dan jabatan berkaitan dengan banjir untuk membuat perbincangan menyelesaikan masalah itu dalam masa terdekat.

“Isnin depan, kami akan membincangkan isu ini. Saya memanggil Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Kerja Raya (JKR), kerajaan negeri dan wakil penduduk untuk berbincang,” katanya.

